

## **SOALAN NO: 67**

Australia. Peningkatan perkhidmatan jalur lebar dan selular juga secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada perkembangan sektor-sektor lain seperti e-dagang, e-Kerajaan, e-Kesihatan dan e-Pembelajaran. Selain itu, peningkatan perkhidmatan jalur lebar dan selular dapat membantu dalam memudahkan pelbagai urusan termasuk urusan perniagaan. Impak perkhidmatan jalur lebar dan selular yang terhasil secara terus dan tidak langsung ini akan dapat menaikkan reputasi negara sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 JUN 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 68**

### **SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan cuaca termasuk El Nino yang akan menyusahkan penduduk di Malaysia serta langkah-langkah yang akan diambil.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) pada 15 April 2014, fenomena El Nino berkemungkinan akan terjadi pada pertengahan tahun ini dan dijangka bermula di antara bulan Jun dan Ogos depan. Jabatan Meteorologi Malaysia pula memaklumkan bahawa kebanyakan kawasan di negara ini diramalkan akan menerima hujan yang lebih rendah daripada paras purata pada bulan Jun dan kembali ke paras normal selepas bulan Julai kecuali Sarawak. Sekiranya negara kita terkesan dengan fenomena El-Nino ini, kedudukan bekalan air dijangka akan lebih meruncing berbanding dengan kedudukan pada awal tahun ini berikutan negara juga akan mengalami Monsun Barat Daya pada bulan Jun hingga September.
2. Walaupun tahap kekuatan fenomena El Nino masih belum dapat ditentukan, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara.

Jawatankuasa ini dijangka akan mengadakan mesyuarat pertama pada pertengahan bulan Jun 2014.

3. Beberapa langkah persediaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terjejas teruk akibat cuaca panas dan kering pada awal tahun ini. Antaranya ialah melaksanakan operasi pembenihan awan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan musim panas, meneroka penggunaan air bawah tanah dan menyalurkan air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat.
4. Selain tindakan pihak Kerajaan, kerjasama semua pihak juga diperlukan bagi mengurangkan impak fenomena El Nino terhadap bekalan air di seluruh negara. Oleh itu, saya menyeru para pengguna untuk membudayakan penggunaan air secara berhemat. Pengguna-pengguna industri pula disarankan untuk mengambil langkah-langkah alternatif seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino.

\*\*\*\*\*